



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		MUKA SURAT	:	22
TARIKH	:	21/5/2021				
JABATAN	:	JPSM				
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN				

Dipenjara kerana ambil hasil hutan

Sinar Harian 21/5/2021 m/s 22

FOTO: JABATAN PERHUTANAN PERAK

Lelaki warga Thailand dipenjara empat tahun selepas mengaku salah di Mahkamah Sesyen

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF

KUALA KANGSAR

Seorang lelaki warga Thailand dipenjara empat tahun oleh Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar di sini pada Khamis selepas mengaku salah mengambil hasil hutan di Hutan Simpan Kekal Belum, Gerik pada Mac lalu.

Tertuduh, Alik, 31, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rohaida Ishak.

Lelaki terbabit diperintahkan menjalani hukuman itu bermula daripada tarikh dia ditangkap.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa mengambil hasil hutan tanpa memiliki lesen, permit atau apa-apa kebenaran di hutan berkenaan kira-kira jam 5 pagi pada 13 Mac lalu.

Pertuduhan dilakukan mengikut Seksyen 84(1) Akta Perhutanan Negara 1984 yang membawa hukuman denda RM50,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Perhutanan Semenanjung

Malaysia, Mason Jaro Barayan, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah turut memerintahkan kesemua barang kes iaitu kayu gaharu dan lapan unit pahat dilucuthak kepada Jabatan Perhutanan Perak.

Sinar Harian pada 17 Mac lalu melaporkan seorang lelaki warga Thailand ditahan selepas disyaki terlibat dalam kegiatan memburu haiwan secara haram dalam operasi bersepadu di Taman Negeri Royal Belum di Gerik.

Serbuhan dijalankan Renjer Perbadanan Taman Negeri Perak dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak dilakukan selepas berjaya mengesan sebuah kem haram di kawasan hutan simpan itu.



Alik (dua dari kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar atas tuduhan mengambil hasil hutan.